

CNS3601

U GB 08-03 00173 BA655

bah

Parlimen - Mahathir (Raja)

PERKENAN RAJA-RAJA TERHADAP PINDAAN PERLEMBAGAAN DIHARGAI

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyanjung tinggi kebijaksanaan Raja-raja kerana bersetuju dengan pindaan Perlembagaan untuk menghadkan imuniti Raja dari segi undang-undang dengan pengubahsuaian.

Katanya, persetujuan itu adalah baik untuk masa depan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Perparlimen negara ini.

"Dengan lulusnya pindaan kepada Rang Undang-undang ini kelak oleh Parlimen dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita yakin semua pihak akan dapat menumpukan perhatian dan usaha-usaha ke arah pembangunan dan kemajuan negara tanpa gangguan lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan menyokong rang undang-undang pindaan yang disyorkan dan dipersetujui oleh Majlis Raja-raja ini kerana ia selaras dengan pindaan asal.

Sambil menyebut pindaan itu untuk kebaikan rakyat, Raja-raja dan kerajaan, beliau berkata pindaan itu memberi keadilan kepada semua pihak dan sesuai dengan pentadbiran negara masa kini serta selaras dengan pemikiran di zaman ini berkenaan dengan Sistem Beraja. -- Lagi.

▼08/03/16-42MST

CNS3606

U GB 08-03 00169 BA656

bah

Parlimen - Mahathir (Raja) 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata Raja tidak pernah mengatasi undang-undang. Perlembagaan atau undang-undang tubuh atau undang-undang asas negara adalah undang-undang yang menentukan adanya Raja, adanya Yang di-Pertuan Agong, adanya Majlis Raja-raja, adanya Jemaah Menteri dan sebagainya, kata beliau.

Katanya, apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1957, Raja-raja telah secara rasmi menandatangani perjanjian Federation of Malaya dan menerima undang-undang asas, iaitu perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menentukan kedudukan, tempat dan peranan masing-masing.

"Penerimaan undang-undang ini bermakna semua pihak meletakkan diri mereka di bawah undang-undang. Soal Raja-raja mengatasi tidak wujud dan tidak pernah ada."

Dr Mahathir berkata hanya yang ada ialah Raja-raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah yang pada ketika itu diwujudkan oleh perlembagaan. Tidak boleh dihadapkan ke mahkamah tidak bermakna dikecualikan daripada peruntukan undang-undang negara ini.

Bahkan tidak boleh dihadapkan ke mahkamah juga merupakan satu undang-undang, dan di bawah undang-undang inilah maka Raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah, katanya. -- Lagi.

▼08/03/16-46MST

CNS3612

U GB 08-03 00141 BA657

bah

Parlimen - Mahathir (Raja) 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jika ini dianggap satu keistimewaan Raja-raja, maka keistimewaan ini masih kekal dengan pindaan yang disyorkan oleh Majlis Raja-raja."

Kata Dr Mahathir, sekarang ini diperuntukkan satu badan khas untuk membicarakan Raja-raja yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang Negara. Mahkamah Khas yang ditubuhkan ini bukan untuk rakyat tetapi untuk Raja.

"Ini tidak melucutkan keistimewaan Raja dari segi tidak boleh didakwa di mahkamah biasa, tetapi menambah keistimewaan itu dengan mewujudkan satu mahkamah yang khas bagi Raja," katanya.

Perdana Menteri berkata yang penting bagi rakyat ialah mereka mendapat perlindungan undang-undang daripada sebarang penyalahgunaan kedudukan yang dilakukan oleh Raja manakala bagi Raja, keistimewaan mereka dikekalkan.

Bagi negara, konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mendapat makna yang lebih tepat dan jelas, kata Dr Mahathir. -- Bernama.

▼08/03/16-49MST